

PRAGMATIK AJARAN SESAT DALAM TELEFILEM JAHIL (JALAN SINGKAT KE SYURGA): REPRESENTASI PRAANDAIAN

(PRAGMATICS OF DEVIANT TEACHING IN THE TELEFILM JAHIL (JALAN SINGKAT KE SYURGA):
PRESUPPOSITION REPRESENTATION)

IBRAHIM, S. N.^{1*} – ISA, A. A. M.²

¹ *Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.*

² *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: wannaim[at]um.edu.my*

(Received 12th May 2025; revised 06th August 2025; accepted 14th August 2025)

Abstrak. Ajaran sesat merupakan fenomena yang membimbangkan dalam masyarakat Islam kerana membentuk ufuk pemikiran yang salah, menggugat akidah, dan mencetuskan kekeliruan dalam beragama. Kajian ini meneliti bagaimana bahasa digunakan sebagai alat penyebaran ideologi ajaran sesat dalam telefilem Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) melalui pendekatan pragmatik, khususnya konsep praandaian seperti yang dikemukakan oleh Yule. Data kajian diperoleh melalui penontonan penuh telefilem, penyalinan transkripsi, dan pemilihan petikan penting berdasarkan lima elemen binaan plot: Eksposisi, Perkembangan, Perumitan, Klimaks, dan Peleraian. Kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan untuk mengenal pasti jenis-jenis praandaian dan fungsi linguistik yang tersirat dalam membina persepsi dan kepercayaan kepada watak pemimpin ajaran sesat itu. Dapatan menunjukkan bahawa praandaian digunakan secara sistematik oleh watak-watak tertentu untuk mewajarkan kedudukan, kuasa, dan dakwaan spiritual mereka, dengan praandaian struktural dikenal pasti sebagai yang paling dominan dalam strategi penyampaian ideologi. Hal ini memperlihatkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga wahana ideologi yang strategik dalam memanipulasi pemikiran dan emosi khalayak. Kajian ini diharap dapat memperluas aplikasi pendekatan pragmatik dalam menganalisis wacana agama serta membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam bidang bahasa dan media Islam.

Katakunci: *pragmatik, praandaian, ajaran sesat, akidah, telefilem*

Abstract. Deviant teaching is a concerning phenomenon within Muslim societies as they shape distorted worldviews, undermine creed, and create religious confusion. This study examines how language is employed as a tool for disseminating a deviant teaching ideology in the telefilm Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) through a pragmatic approach, focusing particularly on the concept of presupposition as outlined by Yule. The data were obtained through full viewing of the telefilm, transcription, and selection of key excerpts based on the five elements of plot structure: Exposition, Rising Action, Complication, Climax, and Resolution. A qualitative content analysis method was employed to identify types of presupposition and implicit linguistic functions that construct perceptions and beliefs about the deviant teaching leader character. The findings reveal presupposition was systematically used by certain characters to legitimise their position, authority, and spiritual claims, with structural presupposition identified as the most dominant strategy in conveying ideology. This highlights language is not merely a medium of communication but also strategic vehicle of ideology in manipulating audience thought and emotions. It is hoped this study will broaden the application of pragmatic approaches in analysing religious discourse and open avenues for prospective research in the field of language and Islamic media.

Keywords: *pragmatics, presupposition, deviant teaching, creed, telefilm*

Pengenalan

Penyelewengan akidah menjadi suatu yang membimbangkan kerana isu ini melibatkan penyebaran ideologi ekstremis yang boleh menjejaskan kestabilan sosial dan keutuhan pegangan umat Islam. Md Yusoff et al. (2018) menyifatkan ideologi ekstremis atau fanatik sebagai satu bentuk kezaliman yang konsisten dalam kumpulan-kumpulan ajaran sesat. Menurut Mas'od (2013), ulama sepakat membahagikan kesesatan kepada dua jenis iaitu kesesatan yang mengkafirkan dan kesesatan yang tidak mengkafirkan. Waima dengan mengkafirkan atau tidak, ajaran sesat membawa elemen yang membahayakan masyarakat dek ideologi yang didukung oleh kumpulan-kumpulan tersebut bersifat ekstremis atau fanatik. Sesuatu ajaran itu dianggap sesat sekiranya terdapat fatwa rasmi yang telah diwartakan oleh pihak berautoriti yang mengesahkan kesesatannya (Buang, 2011). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (seperti yang dinyatakan dalam Khairuddin (2022) mentakrifkan ajaran sesat sebagai ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang didakwa berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan Sunah. Maka, dapat difahami bahawa ajaran sesat hanya terbina atas dakwaan seseorang semata-mata dan tidak berlandaskan pedoman wahyu. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, ajaran-ajaran sesat yang wujud dari dulu hingga kini mempunyai motif-motif yang tersendiri seperti untuk memenangkan ideologi tertentu, meraih populariti, keuntungan duniawi, dan taasub yang akhirnya mengakibatkan seseorang tersilap dalam memilih jalan kebenaran (Zurita dan Alwi, 2022). Ajen terpenting untuk merealisasikan segala motif tersebut adalah dengan berperantarkan bahasa yang bukan sekadar alat komunikasi malah alat ideologi yang memainkan peranan penting dalam sistem autoriti untuk memupuk persepsi yang baik terhadap keabsahan atau legitimasi sesuatu ajaran atau kuasa (Van Dijk, 2006). Oleh itu, kajian deskriptif kualitatif ini menelusuri bagaimana bahasa dimanipulasi sebagai alat penyebaran ideologi ajaran sesat melalui lensa pragmatik. Secara khususnya, kajian ini menganalisis bagaimana praandaian digunakan secara strategik oleh watak pemimpin ajaran sesat dalam telefilem Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) bagi menyebarkan ideologi sesatnya.

Maka, diharapkan kajian ini mampu menjadi penerus kajian-kajian sedia ada tentang ajaran sesat di Malaysia yang realitinya masih perlu diperbanyak lagi dan menjadi antara prakarsa dalam mendidik masyarakat Islam di Malaysia tentang peri pentingnya untuk sentiasa memelihara kesucian sistem kepercayaan Islam. Di Malaysia, terdapat badan-badan rasmi seperti jabatan mufti dan agama Islam negeri-negeri dan JAKIM yang bertanggungjawab untuk mengawal selia dan memastikan hal-ehwal keagamaan dipraktikkan dengan cara yang benar berdasarkan kepada fahaman Ahlus Sunnah wal Jama'ah (ASWJ) baik dari segi akidah (Iman), syariah (Islam) mahupun akhlak (Ihsan). Menurut Engku Alwi (2007), kajian tentang pemikiran, kefahaman dan pegangan ajaran sesat penting untuk menangani isu penyebaran ajaran sesat yang berleluasa. Boleh dikatakan hampir semua negeri tidak terselamat daripada bahana ajaran sesat yang mampu menggugat keharmonian bangsa dan negara menerusi keperibadian ekstremis serta perpecahan dalam institusi kemasyarakatan dan kekeluargaan yang dicetuskannya. Malah, jumlah ajaran sesat di Malaysia sahaja adalah sebanyak 127 (Idris et al., 2020) dan angka ini berpotensi untuk bertambah dari semasa ke semasa jika jenayah syariah ini tidak ditangkis.

Sorotan literatur

Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa agen terpenting yang memperkukuh dan menyebarkan ideologi ajaran sesat adalah bahasa yang dimanipulasi. Misalnya, dengan menggunakan model linguistik forensik, Nordin (2016a) mendapati bahawa perkataan ‘berkat’ dan ‘keramat’ yang digunakan oleh Ajaran Azhar bin Wahab di Kedah misalnya, dimanipulasi untuk membawa erti bahawa pengasas ajaran ini iaitu Azhar adalah seorang yang penuh dengan keberkatan dek keupayaannya untuk menarik banyak wang daripada orang ramai dan keramat tersendiri untuk menyembuhkan apa jua penyakit. Ajaran Harun di Pahang pula memanipulasi penggunaan frasa ‘zat Tuhan’ untuk mendakwa bahawa pengasasnya iaitu Harun berpangkat Tuhan justeru amat arif akan zat Tuhan. Ajaran Millah Ibrahim di Selangor juga memanipulasi elemen-elemen linguistik di peringkat perkataan seperti ‘rasul’ untuk mendakwa bahawa masih ada nabi dan rasul sesudah kewafatan Nabi Muhammad SAW, ‘syirik’ untuk mereka yang tidak mengikuti ajaran ini, dan ‘solat’ untuk menghapuskan kefarduan solat lima waktu (Nordin, 2016b). Selain itu, Tarekat Amirul Mukminin di Perak dan Tarekat al-Tijani di Kelantan antara lainnya dikesan sebagai tarekat yang sesat. Pengasas tarekat yang pertama berserta pengikutnya mendakwa bahawa orang Islam selain mereka masih belum mencapai kesempurnaan iman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Manakala tarekat yang kedua mempercayai penggandaan pahala amalan kebaikan khusus buat pengikutnya (Nordin, 2018). Oleh itu, bahasa ajaran sesat yang digunakan secara sistematik dan bermotif ini bertindak sebagai wahana utama dalam merepresentasi identiti ideologi-ideologi yang bercanggah dengan fahaman Ahlus Sunnah wal Jama’ah (ASWJ) yang sekian lama dipraktikkan di Nusantara. Manipulasi bahasa oleh ajaran-ajaran ini memperlihatkan bahawa bahasa bukan sekadar medium komunikasi, tetapi juga wahana ideologi yang strategik. Meskipun signifikan, pendekatan linguistik forensik yang digunakan dalam kajian-kajian ini lebih bersifat deskriptif-struktural dan bertumpu pada aspek bentuk serta makna literal ujaran.

Dalam konteks perfileman tempatan, beberapa kajian telah dijalankan yang menyentuh isu akidah dalam kandungan filem. Dalam usaha memuatkan elemen filem ke dalam garis panduan hiburan umum yang digariskan oleh JAKIM, Kementerian Luar Negeri (KDN), dan Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL), Opir (2018) menganalisis unsur-unsur akidah dalam filem Redha dan Munafik 1 dengan memberi tumpuan kepada mesej dakwah dan ketulenan penggambaran nilai keagamaan. Abidin dan Rasit (2018) pula menyimpulkan bahawa tema akidah merupakan tema dominan yang ditampilkan dalam Munafik 1. Dari segi tahap kepatuhan terhadap kriteria filem patuh syariah, kajian oleh Opir et al. (2021) mendapati bahawa kandungan Munafik 1 bercanggah dengan 5 daripada 14 prinsip akidah Islam berdasarkan kod akidah yang ditetapkan. Kecenderungan yang sama turut dikesan oleh Joni et al. (2024) dalam Mentega Terbang yang didapati bercanggah dengan 9 prinsip akidah Islam tersebut sekali gus dilihat seolah-olah cuba menghasut penonton Muslim ke arah pemikiran liberal secara tersirat. Garapan nilai akidah dalam Nur Kasih The Movie juga masih perlu diperkukuh agar benar-benar sesuai untuk tontonan umum (Rasit dan Misrom, 2016). Walaupun semua kajian ini telah memberikan sumbangan penting dalam meneliti aspek akidah dalam seni perfileman Malaysia, pendekatan linguistik pragmatik khususnya menerusi aplikasi konsep praandaian masih belum diterapkan dalam analisis yang dijalankan. Strategi bahasa dalam meyakinkan pengikut sesuatu ajaran sesat juga masih belum disoroti secara mendalam.

Selain mendedahkan ideologi, pendekatan pragmatik membongkar maksud-maksud tersembunyi di sebalik ujaran. Inilah yang menjadi asas kepada pengaplikasian konsep praandaian dalam kajian ini. Setakat ini tiada kajian yang diketahui telah mengaplikasikan pendekatan ini secara khusus untuk menganalisis strategi linguistik ajaran sesat dalam konteks perfileman. Memandangkan telefilem merupakan salah satu genre hiburan yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia, pemilihannya sebagai medium kajian adalah signifikan. Menurut Imang (2015), antara medium tontonan utama selain pawagam adalah TV prabayar seperti Astro. Tambahan pula, tema atau jalan cerita sesebuah filem juga dikenal pasti sebagai faktor tarikan utama bagi penonton. Meskipun filem bergenre serius kurang diminati oleh penonton secara umumnya, Imang juga mendapati bahawa tema keagamaan merupakan salah satu tema yang diminati oleh penonton dalam filem. Ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dan kecenderungan terhadap isu-isu keagamaan daripada penonton- penonton filem di Malaysia. Boleh dikatakan bahawa penerbitan filem ibarat serampang dua mata kerana selain untuk tujuan hiburan, mesej-mesej dakwah juga boleh diterapkan dengan berkesan seperti yang dihujahkan oleh Abidin dan Rasit (2018). Malah, Kadir dan Nawawi (2024) turut menyeru agar negara Islam seperti Malaysia lebih giat menghasilkan filem yang mematuhi sepenuhnya kerangka akidah dan syariat Islam.

Bertitik tolak daripada realiti ini, kajian ini meneliti bagaimana ideologi ajaran sesat ini disebarkan dan diamalkan sebagai satu konstruk dan praktik sosial serta kesannya terhadap pendengar dengan memanfaatkan pendekatan pragmatik praandaian serta pencetusnya seperti yang digariskan oleh Yule (1996) untuk menganalisis unsur-unsur linguistik di peringkat perkataan, frasa mahupun ayat yang digunakan oleh ajaran sesat dalam telefilem Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) yang secara implisitnya menjadi daya tarikan buat mereka yang sedang mendahagakan jalan pintas dalam beragama. Pragmatik merujuk kepada bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan dalam konteks yang tertentu. Praandaian yang merupakan salah satu topik dalam pragmatik digunakan secara meluas dalam pelbagai jenis ucapan (Salleh dan Yusof, 2020). Manakala definisi praandaian dan jenis-jenisnya oleh Yule (1996) pula akan diterangkan di bahagian yang seterusnya.

Instrumen dan Metod Kajian

Reka bentuk kajian

Kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan oleh penulis untuk menganalisis data berbentuk teks ini dan memberikan tafsiran secara mendalam dan subjektif (Creswell dan Guetterman, 2021). Oleh itu, pendekatan ini membolehkan penulis meneliti bagaimana praandaian dimanipulasi dalam ujaran-ujaran sesat untuk menyebarkan ideologi melalui medium telefilem.

Data kajian

Telefilem arahan Rashid Sibir yang berjudul Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) 2014 yang ditayangkan di saluran Astro Oasis dipilih sebagai subjek penelitian kerana selain menjadi salah satu rancangan hiburan biasa yang ditonton oleh rakyat Malaysia yang disiarkan oleh Astro, telefilem ini turut memaparkan dengan jelas bagaimana sesebuah ajaran sesat muncul, objektif, kelompok sasaran, dan modus operandinya. Telefilem ini hakikatnya bertujuan untuk memupuk sikap berhati-hati dengan ideologi ajaran sesat

yang kian mendapat tempat dewasa ini khususnya dalam kalangan mereka yang lemah dan luntur pegangan agamanya. Dibintangi terutamanya oleh Beto Kusyairy (sebagai Amal) dan Zara Zya (sebagai Nina), telefilem ini memaparkan mereka yang hidup dalam keadaan serba moden dan ekspres dalam pelbagai perkara mencari-cari wahana agama yang boleh menawarkan mereka pakej pelaksanaan ibadah seperti solat dengan mudah dan ekspres juga. Amal; seorang arkitek yang kaya-raya, merupakan watak utama yang menghiasi telefilem ini yang sentiasa merasakan bahawa masa yang ada tidak mencukupi untuk menguruskan projek-projeknya. Malah, isterinya; Nina, seorang ahli korporat yang cuai dalam melaksanakan suruhan agama. Maka, jurang keagamaan yang nyata inilah yang memberikan sokongan dan dukungan yang penuh kepada beberapa pengamal ajaran sesat yang lazimnya berorientasikan keuntungan material untuk tampil memainkan peranan dan memburu mangsa mereka serakus yang mungkin yang terdiri daripada golongan bijak pandai dan hartawan seperti pasangan suami isteri ini.

Pengumpulan data

Penulis menonton keseluruhan telefilem Jahil (Jalan Singkat ke Syurga) yang berdurasi 1 jam 37 minit ini sebanyak dua kali sebelum mengenal pasti elemen-elemen penting dalam plot telefilem ini. Tontonan pertama dilakukan adalah untuk mendapatkan gambaran keseluruhan cerita dan mesej yang ingin disampaikan manakala tontonan kedua untuk proses pengekodan menerusi pencerakinan dan analisis kandungan bagi menjawab permasalahan kajian.

Kerangka teori

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan pragmatik praandaian Yule (1996). Penulis berpendapat bahawa pendekatan yang dikemukakan oleh Yule (1996) ini menyediakan satu kerangka konseptual yang sistematik, menyeluruh, dan praktikal dalam menganalisis makna tersirat serta strategi komunikasi dalam ujaran. Hal ini penting dalam mendedahkan bagaimana mesej yang menyeleweng dapat disampaikan secara halus tetapi berkesan melalui teknik bahasa yang tidak semestinya bersifat eksplisit. Tambahan pula, pendekatan ini selaras dengan matlamat kajian iaitu untuk menganalisis strategi retorik dan manipulatif yang digunakan dalam wacana keagamaan yang menyimpang, khususnya melalui medium telefilem. Dalam monografinya yang bertajuk *Pragmatics*, Yule (1996) mendefinisikan praandaian sebagai merujuk kepada sesuatu yang ditanggapi oleh penutur sebelum menyatakan sesuatu ujaran dan hanya penutur memiliki kawalan terhadap praandaian tersebut. Beliau seterusnya membahagikan praandaian ini kepada beberapa jenis berserta pencetusnya seperti yang ditunjukkan oleh *Jadual 1*. Contoh-contoh dalam bahasa Melayu diberikan oleh penulis sendiri tanpa terikat dengan monograf asal untuk mempermudah pemahaman.


Jadual 1. Jenis-jenis praandaian dan pencetusnya.

No	Kategori
	Jenis
1.	Eksistensial: "Negara Malaysia." (>> Ada negara yang bernama 'Malaysia')
2.	Leksikal: "Mereka mula berdamai." (>> Sebelum ini mereka tidak berdamai)
3.	Faktif: "Kami menyesali kesalahan kami." (>> Kami telah melakukan suatu kesalahan)
4.	Non-Faktif: "Dia berpura-pura tidur." (>> Dia tidak tidur)
5.	Struktural: "Bilakah awak telah tamat belajar?" (>> Awak telah tamat belajar)
6.	Kaunterfaktual: "Kalau awak ketua, awak akan bantu saya." (>> Awak bukan ketua)
	Pencetus
1.	Deskripsi Pasti: "Ahmad melihat kucing yang berkepala dua." (Ada kucing yang berkepala dua)

2. Kata Kerja Faktif/Implikatif/Perubahan Keadaan: “Abu sedar bahawa ia dalam keadaan berhutang.” (>> Abu sedang berhutang)
 3. Komparatif: “Ali pengkaji yang lebih beretika daripada Amir.” (>> Amir seorang pengkaji)
 4. Pengulangan/Iteratif: “Dia tidak lagi menggemari air itu.” (>> Dia menggemari air itu sebelum ini)
 5. Klausa Temporal: “Ketika Barat berada dalam kegelapan, dunia Islam bersinar dengan ilmu.” (>> Dunia Islam bersinar dengan ilmu pada masa kegelapan di Barat)
 6. Kaunterfaktual: “Kalaulah papan tanda itu menyatakan lokasi dengan jelas, kita tidak akan tersesat.” (>> Papan tanda itu tidak menyatakan lokasi dengan jelas)
 7. Tindakan Dikembalikan: “Arif memukul penjenayah itu semula.” (>> Penjenayah itu telah memukul Arif dahulu)
 8. Soalan: “Siapakah profesor pragmatik di universiti ini?” (>> Ada seorang profesor pragmatik di universiti ini)
-

Penganalisan data

Setiap transkripsi dikenal pasti berdasarkan lima elemen binaan plot iaitu Eksposisi, Perkembangan, Perumitan, Klimaks, dan Peleraian untuk memberikan kerangka naratif yang menyeluruh. Eksposisi ialah pengenalan kepada watak-watak utama dan juga permulaan jalan cerita. Mukadimah cerita disambung dengan Perkembangan dan Perumitan yang membina elemen penceritaan menerusi perincian berkenaan watak-watak utama dan insiden-insiden penting sebelum menuju ke Klimaks. Bahagian Klimaks ialah kemuncak bagi konflik dan akhir sekali, Peleraian memberikan pengakhiran penceritaan menerusi penyelesaian konflik dan penamatan lengkok naratif bagi watak-watak utama. Setelah itu, penulis melakukan transkripsi skrip berdasarkan video telefilem yang diakses melalui akaun peribadi Astro GO. Transkripsi secara umum tertumpu kepada ungkapan-ungkapan pengasas ajaran sesat di dalam telefilem ini iaitu Ustaz Malik dan pembantunya, Syam sebagai pendokumentasian bahasa. Kemudian, proses pekekodan seluruh transkripsi berdasarkan kelima-lima elemen binaan plot dilakukan. Setelah itu, proses analisis dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan pragmatik praandaian Yule (1996) seperti yang telah diperincikan dalam bahagian Kerangka Teori. Pendekatan ini dimanfaatkan untuk mengenal pasti jenis-jenis praandaian yang wujud dalam ujaran-ujaran pengasas ajaran sesat tersebut dan bagaimana semua ini dimanipulasi untuk menyampaikan ideologi tertentu secara tersirat. Keseluruhan langkah yang menggambarkan aliran kerja daripada pemilihan telefilem sehingga penganalisan praandaian diringkaskan seperti yang berikut (*Rajah 1*).



Rajah 1. Langkah-langkah untuk menganalisis ideologi ajaran sesat dalam telefilem *Jahil (Jalan Singkat ke Syurga)*.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jadual 2. Contoh-contoh praandaian dalam dialog *Ustaz Malik*.

Durasi	Ayat
Petikan 1: Praandaian struktural	
1:20:23	Kamu tahu <i>kenapa</i> tempat duduk ana lebih tinggi dari kamu semua? Sebab ana adalah tok guru kamu. Maka, darjat ana lebih tinggi dari kamu semua. Oleh sebab itu, ana mesti duduk lebih tinggi dari kamu. Supaya ana boleh lihat kamu semua dengan lebih baik. Semakin tinggi darjat seseorang itu, semakin

hampir dia dengan penciptanya.

Petikan 2: Praandaian eksistensial, kaunterfaktual, dan struktural

14:48 Semestinya *ada*. Islam itu mudah. Apa yang ustaz ajar adalah untuk memudahkan hidup kita. Sebab itu Tuhan cakap dalam mencari akhirat dunia jangan dilupakan. *Kalau* nak diikuti memang tak cukup masa. Sebab itu ana menyelidik dan mengkaji zaman Nabi Muhammad, apa yang baginda buat dalam kesibukan baginda tapi masih sempat beramal. *Apa* yang baginda buat? Baginda memudahkan amalan kita. Bila semuanya jadi mudah, maka hidup kita juga akan menjadi mudah.

Petikan 3: Praandaian faktif

15:49 Ana rasa cukup *gembira* kerana yang datang hendak mencari jalan pulang, iaitu jalan menuju ke syurga. Ajaran dan amalan yang ana ajarkan ini akan membawa kita semua ke syurga. Tuhan sudah siapkan syurga untuk kita. Jadi, kita mesti mencari jalan untuk menuju ke syurga.

Petikan 4: Praandaian faktif dan struktural

16:12 Semua ahli jemaah yang ada di sini, ana akan berdoa pada Tuhan supaya disediakan tempat untuk kita di syurga. Pada kawan-kawan kita yang di luar sana, tempatnya bukan di syurga. Mungkin di neraka. Ana *tahu*, semua sibuk cari duit. Duit itu penting untuk kita hidup. Kalau dah mati, tak perlukan duit. Sebab tu kita jangan buang duit. Kita mesti cari duit seberapa banyak yang boleh. Semua orang perlukan duit. Tapi, kita jangan lupa sembahyang lima waktu dalam sehari, 17 rakaat jadinya. *Kenapa* Tuhan suruh kita buat dalam satu hari 24 jam? *Tak boleh* buat dalam satu jam semua sekali *ke*?

Petikan 5: Praandaian struktural dan leksikal

25:21 Awak *nak tahu* tentang apa yang mereka berikan kepada ana tadi *ke*? Ini semua adalah pengorbanan. Lagi banyak yang awak boleh korban, maka lebih banyaklah pahala yang awak akan dapat bawa balik di syurga nanti. Hidup kita di dunia ini hanyalah sementara. Harta yang kita ada mestilah kita gunakan untuk akhirat, bukan kita gunakan untuk dunia. Cari akhirat dengan harta dunia, bukan cari dunia dengan harta dunia. Salah tu. Ana hanya ingin memberi peluang kepada semua orang untuk bersama-sama mengikut ana *masuk* ke syurga nanti. Sama-sama kita penuhkan syurga Allah yang Maha Luas, dan jauhkan diri kita dari azab api neraka.

Petikan 6: Praandaian leksikal

34:29 Ana akan buang roh-roh yang jahat dalam diri awak dan tinggal hanya roh-roh yang baik sahaja. Roh itulah yang akan *kembali* kepada yang satu nanti. Syukurlah Amal, awak dah tergolong dalam orang-orang yang suci.

Petikan 1: Praandaian struktural

Melihatkan kepada keadaan Amal yang agak hairan dengan jemaah yang sedang mengusung sebuah tempat duduk yang panjang dan tinggi, Ustaz Malik pun menggunakan kata tanya 'kenapa' sebagai komponen yang membentuk praandaian struktural (Yule, 1996) untuk menduga apa yang terlintas di fikiran Amal. Pencetus jenis soalan ini membentuk praandaian yang berikut.

Tempat duduk ana lebih tinggi berbanding yang lain

Tempat duduk itu adalah lebih tinggi berbanding jemaah yang hanya bersila di lantai. Ketinggian ini membolehkan Ustaz Malik untuk memantau segala gerak-geri jemaah yang berada di hadapannya. Praandaian ini dimanipulasi secara halus oleh Ustaz Malik untuk menyatakan bahawa ia sememangnya layak diberikan penghormatan berupa

tempat duduk yang lebih tinggi daripada kebiasaan atas kapasitasnya sebagai tok guru. Ketinggian tersebut juga menggambarkan betapa istimewa dan dekatnya kedudukannya di sisi Allah SWT sebagai guru agama. Ketinggian yang bersifat mujarad di sisi-Nya diterjemahkan kepada ketinggian yang bersifat konkrit pada tempat duduknya untuk setiap ritual keagamaan yang diadakan. Usaha memanipulasi praandaian ini juga agar Amal benar-benar mempercayai kemuliaan dan ketinggian status yang dimiliki oleh Ustaz Malik yang bukan calang-calang. Justeru, terbentuk di dalam diri Amal bahawa tiada keraguan terhadap ajaran yang sedang diikuti olehnya bersama jemaah yang lain memandangkan ajaran ini diselia secara langsung oleh seorang guru agama yang diibaratkan sebagai seorang nabi yang membimbing umatnya ke arah cahaya kebenaran. Sanjungan terhadap sang guru saban hari kian menebal di dalam diri Amal dan perubahan daripada sulitnya menunaikan solat kepada yang sebaliknya semakin dirasainya. Ustaz Malik juga menggunakan kata ganti nama diri 'ana' yang berasal daripada bahasa Arab untuk merujuk kepada 'saya' sebagai salah satu strategi manipulasi untuk memberikan gambaran palsu tentang dirinya. Pemilihan kata ganti nama diri tunggal bahasa Arab yang digunakan disertakan dengan konstruksi dirinya sebagai 'tok guru', yang merupakan satu antroponim yang istimewa. Hal ini kerana, gelaran 'tok guru' sering diberikan kepada dan digunakan oleh golongan agamawan. Justeru, terdapat penekanan kepada keunggulan moral Ustaz Malik sebagai pimpinan utama kumpulan ini. 'Darjat' dan posisi kedudukan yang 'lebih tinggi' menjadi simbol kedudukan dan kuasa autoriti Ustaz Malik dalam gerakan kumpulan ajaran sesat itu. Penggunaan label 'ustaz' oleh Syam di dalam salah satu babak awal telefilem ini turut membangkitkan persepsi bahawa Ustaz Malik mempunyai kepakaran dalam bidang keagamaan justeru berkelayakan untuk mengajar agama.

Petikan 2: Praandaian eksistensial, kaunterfaktual, dan struktural

Pertemuan kali pertama antara Amal dengan Ustaz Malik berjaya diaturkan oleh Syam. Amal dibawa masuk ke sebuah banglo lalu menyaksikan beberapa orang jemaah lelaki dan wanita yang masing-masing berpakaian keagamaan serba putih. Kedatangannya disambut dengan baik dan ia terlebih dahulu diberikan segelas air untuk diminum. Setelah bersalaman dengan Ustaz Malik yang berpakaian jubah bersama lilitan serban di kepala dan ridak (selendang) berwarna merah yang kemas menutupi bahagian atas badannya, beliau mendasari pertemuan tersebut dengan menerangkan sifat ajaran yang dibawanya itu sebagai 'mudah' dan berupaya untuk menjadi bekalan berguna bagi sesiapa sahaja sampai ajal menjemput. Penerangan tersebut mengundang rasa keterujaan Amal yang sedang mencari-cari cara yang amat 'mudah' dan praktikal lagi bersesuaian dengan dirinya yang sentiasa sibuk memburu kemewahan dunia sehingga tiada masa untuk menunaikan solat sebanyak 17 rakaat sebagaimana yang sepatutnya menurut ajaran Islam yang sebenar. Kata milikan 'ada' yang digunakan oleh Ustaz Malik sebagai respons tuntas kepada kenyataan Amal tersebut mencetuskan praandaian eksistensial yang menunjukkan kewujudan dan keberadaan sesuatu (Yule, 1996).

Terdapat cara (ajaran) yang lebih mudah

Agama Islam sedia memiliki cara yang mudah untuk diamalkan oleh golongan seperti Amal yang mendahagakan kemudahan dalam pelaksanaan perkara keagamaan seperti solat. Hakikatnya, Ustaz Malik berselindung di sebalik nama ajaran Islam yang

suci demi mempromosikan ajaran sesat yang direkanya sendiri seterusnya memperoleh keyakinan Amal. Maka, input pembinaan linguistik di atas memperlihatkan dengan jelas bagaimana pencetus jenis deskripsi pasti 'ada' dimanipulasi dengan licik oleh Ustaz Malik untuk membeli jiwa Amal dan menundukkannya. Menerusi dialog Ustaz Malik ini juga, terdapat penggunaan klausa yang bermula dengan perkataan 'kalau' yang merupakan pencetus jenis kaunterfaktual. Menurut Yule (1996), klausa jenis ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang tidak benar dan bertentangan dengan realiti. Maka, klausa yang digunakan oleh Ustaz Malik ini memberikan praandaian kaunterfaktual.

Masa adalah cukup

Masa yang dikurniakan kepada setiap manusia adalah cukup sahaja namun terdapat cara yang perlu diikuti iaitu ajaran yang direka khas olehnya dan ajaran Islam yang selama ini dipraktikkan oleh Amal dan kebanyakan umat Islam sedari kecil adalah tidak benar serta wajar ditinggalkan. Selain itu, klausa ini secara implisitnya digunakan oleh Ustaz Malik untuk menegaskan bahawa apa yang dianuti oleh Amal sejak sekian lama yang menjadi punca utama ketidaksempatan ahli korporat sepertinya untuk meluangkan masa yang lama dalam menunaikan solat tertentu pada waktu tertentu dek kesibukannya dalam mengumpulkan habuan dunia. Oleh itu, ajaran yang bakal diperkenalkan oleh Ustaz Malik mampu memberikan jaminan kepada Amal bahawa masalah ketidakcukupan masa yang sering dihadapi olehnya akan diatasi dan ia tidak perlu bersusah-payah lagi meluangkan masa yang lama sehingga mengganggu-gugat produktiviti kerja. Dengan menganut ajaran ini, Amal boleh meneruskan pekerjaannya seperti biasa tanpa sebarang halangan. Maka, elemen linguistik di atas dilihat bertujuan untuk menanamkan ideologi ajaran sesat itu dengan cara memperbetul apa yang dipraktikkan oleh Amal selama ini dan mengajaknya untuk menganut ajaran Ustaz Malik tersebut. Seterusnya, dialog Ustaz Malik yang berbentuk pertanyaan di atas mengajak Amal untuk merenung semula lembaran sirah Nabi Muhammad SAW yang selain dikenali sebagai seorang nabi dan rasul, juga seorang yang amat sibuk dengan urusan umat selain daripada aktiviti berdakwah seperti menguruskan peperangan, menyantuni ahli keluarga dan kaum kerabat serta berniaga namun masih mampu menunaikan segala perintah Allah SWT dengan sempurna terutamanya solat. Melihatkan kepada keadaan Amal yang tercengang dek buntu memikirkan jawapan kepada persoalan yang dicetuskan oleh pencetus jenis soalan 'apa' tersebut, Ustaz Malik memecahkan kesunyian itu dengan menerangkan bahawa baginda sering mempermudah pelbagai cara untuk umatnya beramal. Implikasi positif daripada kemudahan tersebut adalah umat baginda akan mampu menjalani kehidupan seharian tanpa sebarang kesulitan walau sebanyak mana amalan yang disyariatkan. Unsur linguistik yang digunakan oleh Ustaz Malik ini mencetuskan praandaian struktural yang lazimnya berbentuk pertanyaan (Yule, 1996).

Ada sesuatu yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW

baginda ada melakukan sesuatu yang 'mudah' sifatnya yang wajar untuk direnungkan dan diamalkan. Sekiranya difikirkan dengan logik akal manusia, agak mustahil dan memenatkan sekiranya baginda masih mampu berdiri utuh untuk melakukan pelbagai ritual keagamaan yang dituntut seperti solat sebanyak 17 rakaat sedangkan jadual kehidupan baginda amat padat. Perbuatan Ustaz Malik memetik nama

penghulu nabi dan rasul ini bukan sahaja membuatkan Amal berasa lebih yakin bahawa sememangnya terdapat cara yang 'mudah' dalam beramal, malahan juga membuatnya berfikir bahawa memandangkan baginda seorang yang paling arif dalam urusan keagamaan lantaran wahyu daripada Allah SWT dan paling mengasihi umat, sudah tentulah baginda juga tidak akan membiarkan mereka beramal dengan cara yang menyulitkan. Sungguhpun terdapat konsep keringanan dalam beribadah yang terpakai dalam konteks-konteks tertentu dalam Islam, namun konsep tersebut telah disalahtafsirkan oleh Ustaz Malik. Misalnya, umat Islam dibenarkan melakukan solat jamak dan qasar semasa bermusafir atau melakukan perjalanan ke tempat lain. Walau bagaimanapun, kelonggaran untuk menghimpunkan dan memendekkan solat dalam situasi tertentu sebegini masih tertakluk kepada beberapa syarat dan tatacara. Manipulasi fakta menggunakan penilaian moral ini terjadi apabila konsep keringanan itu dipinjam dan dieksploit. Akhirnya, konsep moral yang dibawa itu terpisah jauh daripada sistem tafsiran asal konsep itu. Ini dipakejkan lagi dengan unsur sirah Nabi Muhammad SAW meskipun tidak benar. Tiada kisah spesifik yang diambil, tetapi Ustaz Malik menggunakan maklumat yang tidak lengkap ini dan mencipta naratif mudah bagi memperdaya pengikut-pengikutnya. Pemberian maklumat yang tidak lengkap ini disifatkan oleh Van Dijk (2006) sebagai salah satu strategi umum yang membentuk wacana bersifat manipulatif.

Petikan 3: Praandaian faktif

Babak ini pula memperlihatkan Ustaz Malik yang sedang menyampaikan ucapan berunsur keagamaan di hadapan jemaah yang hadir. Semua mereka berpakaian serba putih dan dalam keadaan duduk bersila di ruang tamu banglo tersebut. Syam yang merupakan orang kuat bagi Ustaz Malik juga turut hadir dan kedudukannya agak rapat dengan pengasas ajaran sesat tersebut berbanding dengan barisan jemaah lelaki yang paling hadapan bagi menggambarkan status tinggi yang dimilikinya. Perkataan 'gembira' yang hadir dalam dialog Ustaz Malik di atas adalah pencetus jenis kata kerja faktif yang menyatakan keyakinan terhadap kebenaran sesuatu (Yule, 1996) menerusi praandaian faktif.

Hadirin yang datang hendak mencari jalan pulang

Jalan menuju ke syurga iaitu persetujuan dan kesanggupan jemaah untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang jalan pulang untuk menuju ke syurga dengan menghadiri ritual pada malam itu membuatnya sungguh gembira. Praandaian ini juga bermaksud ajaran sesat tersebut yang menyeru semula manusia yang lalai untuk kembali ke jalan asal adalah suatu fakta. Maka, hadirin pun benar-benar mempercayai bahawa ajaran dan amalan yang bakal diperkenalkan ini akan membimbing mereka ke syurga yang merupakan perkampungan asal bagi umat manusia sebagaimana yang sedia maklum. Mereka hanya tinggal untuk mencari dan menempuh sahaja jalan yang 'mudah' untuk ke syurga yang telah diciptakan oleh Allah SWT sejak azali. Bagi mencapai matlamat ini, Ustaz Malik bertindak sebagai perantara antara mereka dengan Allah SWT dengan cara berdoa secara khusus buat semua yang hadir termasuknya agar disediakan jaminan tempat di dalam syurga kelak. Demi menegakkan lagi kebenaran apa yang didakwa, Ustaz Malik melabelkan umat Islam lain yang tidak mengetahui jalan pulang ini sebagai tidak berautoriti untuk menghuni syurga sebaliknya hanya layak dihumban ke dalam neraka. Ustaz Malik menggambarkan ganjaran berbentuk syurga bagi pengikut-pengikut

ajarannya. Strategi penciptaan mitos ini memberi fokus kepada kesudahan yang baik bagi mereka yang mempraktikkan ‘ajaran dan amalan’ yang dibawanya. Klausa “Tuhan sudah siapkan syurga untuk kita” menjanjikan kebaikan yang akan diperoleh dan secara tidak langsung, memanipulasi emosi para pengikut. Penggunaan frasa ‘jalan pulang’ dan ‘jalan menuju ke syurga’ berperanan membangkitkan keyakinan mereka terhadap ideologi utama kumpulan ajaran sesat itu. Tarikan emosi seperti ini berpotensi mengubah pandangan para pendengar dan memanipulasi persepsi mereka terhadap realiti (Reyes, 2011).

Petikan 4: Praandaian faktif dan struktural

Bagi mempamerkan caknanya terhadap keadaan jemaah di hadapannya yang sentiasa disibukkan dengan urusan mencari harta demi kelangsungan hidup dan bahawa ia juga sama seperti mereka, Ustaz Malik mengungkapkan dialog di atas yang mengandungi perkataan ‘tahu’. Pencetus jenis kata kerja faktif ini mewujudkan praandaian faktif yang meyakinkan pendengar akan kewujudan dan keberadaan sesuatu (Yule, 1996).

Semua sibuk dengan kehidupan dunia

Kesibukan mencari harta adalah suatu fakta yang tidak boleh disangkal oleh seseorang yang berfikiran rasional. Harta adalah nadi kehidupan. Tambahan pula, umat Islam khususnya amat digalakkan untuk mencari seberapa banyak harta dunia yang mungkin serta dilarang untuk mensia-siakannya. Hal ini kerana, sekiranya harta tersebut tidak dimanfaatkan oleh pemiliknya hingga ke nafas yang terakhir sekali pun, harta tersebut boleh dan lazimnya dimanfaatkan pula oleh pewaris si mati menerusi sistem pewarisan atau pembahagian pusaka dalam Islam yang dikenali sebagai faraid. Maka, galakan mencari harta disentuh oleh Ustaz Malik untuk menunjukkan tahap kesedarannya dalam perkara ini serta memberikan keyakinan yang penuh buat para jemaah bahawa ajaran yang bakal didedahkan ini adalah ajaran yang masih sah, relevan, dan meraikan aspek kemanusiaan sejagat. Justeru itu, keprihatinan dan kepedulian Ustaz Malik dimanifestasikan dalam unsur pragmatik yang dikenali sebagai praandaian faktif ini lalu dimanipulasi olehnya pada masa yang sama secara halus untuk meraih kepercayaan yang penuh daripada mereka tanpa sebarang syak. Mereka hanya perlu mempercayai dan bersedia untuk mempelajarinya. Selain itu, dialog di atas merangkumi dua persoalan. Kedua-duanya diungkapkan oleh Ustaz Malik secara berturut-turut di hadapan jemaah yang sedang khusyuk mendengar bait-bait kalamnya agar mereka berterusan melibatkan diri dalam aktiviti komunikasi yang sedang digiatkan olehnya. Komunikasi tersebut jika dilihat berlaku dalam bentuk satu hala sahaja iaitu hanya Ustaz Malik yang berbicara dan menyampaikan ideologi ajarannya itu manakala jemaah yang hadir mendengar dan tiada sebarang masuk campur daripada mereka baik berbentuk pertanyaan mahupun apa-apa pernyataan. Pencetus jenis soalan menerusi kata tanya ‘kenapa’ digunakan dalam persoalan pertama dan ‘tak boleh...ke’ dalam kedua yang menjadi asas kepada terbentuknya praandaian struktural (Yule, 1996). Pencetus pertama mempraandaikan praandaian struktural.

Umat Islam dipperintahkan untuk menunaikan solat sebanyak 17 rakaat sehari semalam pada waktu-waktu yang tertentu

Kefarduan solat lima waktu sehari semalam adalah wajib ditunaikan oleh umat Islam walau sesibuk mana pun yang sekiranya tidak dipatuhi, mereka dihukum sebagai telah

melakukan dosa yang besar. Manakala praandaian struktural kedua yang dipraandaikan oleh pencetus kedua menyatakan bahawa

Tiada keizinan untuk menunaikan semua rakaat itu dalam masa satu jam sahaja

Walaupun mereka adakalanya berfikir untuk menunaikan kefarduan tersebut dengan ala kadar sahaja akan tetapi sebenarnya tiada keizinan langsung untuk perkara itu. Implikasi daripada dua praandaian struktural yang diwujudkan oleh Ustaz Malik ini menunjukkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh semua termasuklah mereka yang sibuk bekerja mencari harta. Seolah-olahnya tiada ruang toleransi untuk beramal dengan cara yang lebih 'mudah'. Ketiadaan toleransi tersebut menafikan salah satu nama Allah SWT yang amat mengasihani akan hamba-hamba-Nya dan menyiksa mereka. Maka, pasti ada cara yang lebih 'mudah' yang diberikan kepada mereka yang sibuk bekerja secara khusus. Ustaz Malik juga menggunakan teknik polarisasi antara Kita dengan Mereka (Us versus Them) dengan cara memberi pengkhususan antroponim kelompok seperti 'ahli jemaah' dan penggunaan kata ganti nama diri inklusif 'kita'. Ia menyatakan bahawa mereka 'yang di luar sana' tidak termasuk dalam kumpulan mereka, maka, 'tempatnyanya bukan di syurga'. Gerakan kumpulan ajaran sesat ini bersifat satu dimensi dan syurga dianggap sebagai satu keistimewaan eksklusif bagi mereka sahaja. Keistimewaan eksklusif ini kononnya hanya dimiliki oleh pengikut-pengikut ajaran sesat itu. Perkara ini juga dapat dilihat sebelum ini dalam Petikan 3.

Petikan 5: Praandaian struktural dan leksikal

Amal mengambil kesempatan untuk bertemu secara peribadi dengan Ustaz Malik di ruang tamu rumah itu ketika beliau sedang memantau jemaah yang sedang menjalankan upacara ritual secara berkumpulan untuk bertanyakan sesuatu perkara. Lalu, Ustaz Malik lantas meneka dengan tepat dengan menggunakan pencetus jenis soalan menerusi frasa pertanyaan '...nak tahu...ke' yang menghasilkan praandaian struktural.

Ada sesuatu yang diberikan kepada ana tadi

Jemaah yang hadir memberikan sesuatu kepadanya. Pemberian tersebut adalah berupa wang yang menjadi bukti pengorbanan mereka untuk masuk ke dalam syurga. Banyaknya ganjaran pahala yang diperoleh mereka kelak di syurga diukur dengan banyaknya juga jumlah wang yang diberikan kepadanya. Maka, di sinilah sifat materialistik yang ada di dalam diri Ustaz Malik tersingkap dengan jelas. Menerusi manipulasi terhadap konsep pragmatik praandaian struktural yang direalisasikan menerusi ayat pertanyaan (Yule, 1996) ini, difahami bahawa lazimnya sesuatu yang dilakukan perlu disertai dengan sebuah atau sejumlah pengorbanan. Dalam situasi ini, setiap orang yang hadir ke rumah tersebut perlu menghulurkan sejumlah besar wang kepada Ustaz Malik yang dianggap sebagai mahar untuk memiliki syurga dan bukan sekadar hadir dengan tangan kosong. Harta yang dimiliki oleh mereka perlu dilaburkan dalam ajaran yang berselindung di sebalik label 'destinasi akhirat' oleh Ustaz Malik ini sebagai usaha untuk memburu kejayaan di sana kelak. Maka, galakan untuk sentiasa mencari harta bermaksud galakan melaburkan lebih banyak harta tersebut dalam ajaran sesat ini yang hakikatnya masuk ke dalam saku kedua-dua Ustaz Malik dan Syam. Semakin ramai yang menyertai ajaran mereka berdua ini, semakin banyak keuntungan material yang akan diraih. Ustaz Malik menyifatkan mereka yang sanggup mengikuti ajarannya sebagai mereka yang akan turut serta bersama-sama dengannya untuk masuk

ke dalam syurga yang telah disediakan. Hanya dengan cara ini seseorang layak untuk menghuni syurga nan luas. Penggunaan kata kerja ‘masuk’ yang menunjukkan perubahan daripada sesuatu keadaan kepada keadaan yang lainnya menerbitkan praandaian leksikal yang merujuk kepada pernyataan makna secara konvensional dengan andaian bahawa suatu makna yang lain yang tidak dinyatakan secara eksplisit dapat difahami oleh pendengar (Yule, 1996).

Sebelum ini semua tidak pernah masuk ke dalam syurga

Semua orang belum pernah masuk ke dalam syurga lagi dan satu-satunya cara untuk masuk ke dalamnya adalah dengan menganut ajaran yang diperkenalkan. Maka, tawaran untuk masuk ke dalam syurga dibuka oleh Ustaz Malik sendiri dan peluang ini perlu direbut oleh mana-mana orang yang ingin dipimpin oleh seseorang sepertinya yang memiliki status keagamaan yang eksklusif lagi tinggi. Ajaran ini juga menjamin para pengikutnya daripada terkena azab api neraka. Ajaran yang pelaksanaannya sering disifatkan sebagai ‘mudah’ ini berbanding dengan apa yang diamalkan oleh umat Islam selama ini menjadi tiket berharga untuk masuk ke dalam syurga yang kekal selamanya walaupun kelihatan amat ‘mudah’ dan tidak menuntut sebarang usaha secara fizikal yang menyulitkan. Menerusi ajaran ini, seseorang diberikan kemudahan untuk menunaikan semua 17 rakaat solat menjadi satu rakaat dengan hanya memasang niat, berzikir, dan mengingati Allah SWT. Dengan cara ini, seseorang sudah pun dikatakan telah menyempurnakan amalan solat lima waktu sehari semalam sebagaimana yang disyariatkan. Keberkesanan ideologi ajaran ini terhadap penganutnya dalam menawarkan mekanisme beramal dengan ‘mudah’ diakui sendiri oleh Amal yang berasa cukup lega dan lapang dari segala kesulitan serta yakin akan darjatnya yang semakin hampir dengan syurga yang bakal menjadi miliknya. Penggunaan kata kerja ‘mengikut’ oleh Ustaz Malik menunjukkan kepastian bahawa beliau akan ke syurga. Sekali lagi, janji manis tentang ganjaran syurga dipersembahkan. Konsep syurga ini dieksploit oleh kumpulan ajaran sesat itu kerana umat Islam secara umumnya telah dididik sejak kecil tentang konsep dosa dan pahala serta syurga dan neraka. Ustaz Malik menanam keyakinan pengikut-pengikutnya menggunakan pengetahuan umum tentang agama ini. Malah, Ustaz Malik turut menjenamakan amalan-amalan kumpulan tersebut sebagai ‘pengorbanan’ dan mengaitkan pengorbanan tersebut dengan konsep ‘pahala’. Meskipun benar, konsep ‘pengorbanan’ yang digagaskan oleh Ustaz Malik turut termasuk dalam praktis poliamori yang terang-terangnya bercanggahan dengan konsep perkahwinan dalam Islam.

Petikan 6: Praandaian leksikal

Termakan dengan kata-kata Ustaz Malik yang mengatakan bahawa syurga itu tidak akan boleh dimasuki oleh seseorang tanpa pengorbanan berbentuk material, Amal lalu menghulurkan sepucuk sampul berisi wang daripada keseluruhan gajinya kepada Ustaz Malik yang sedang berbicara bersama Syam di pekarangan rumah. Selain menjadi tanda pengorbanan, pemberian wang itu juga menjadi simbolik penyucian jiwa dalaman dan luaran seseorang yang seterusnya benar-benar melayakkannya untuk masuk ke dalam kawasan yang suci bernama syurga. Hal ini bertepatan dengan keadaan syurga yang suci hanya buat mereka yang suci juga. Penggunaan perkataan ‘kembali’ yang diungkapkan oleh Ustaz Malik dalam dialog di atas merupakan pencetus jenis pengulangan atau iteratif yang menatijahkan praandaian leksikal.

Roh yang suci itu dahulunya datang daripada zat Allah SWT yang tunggal lagi suci

Roh-roh yang ada di dalam tubuh manusia setakat ini telah bercampur antara yang baik dengan yang jahat. Maka, keadaan ini menuntut manusia untuk menjalani penyucian tubuh agar roh-roh yang jahat disingkirkan dan hanya kekal yang baik. Roh yang baik itulah yang akan diserahkan oleh Ustaz Malik sendiri dalam sebuah ritual khas yang diadakan pada malam Jumaat kepada destinasi yang asal iaitu Allah SWT. Pengembalian roh kepada tempat asalnya menunjukkan proses pengulangan iaitu roh pada asalnya datang daripada-Nya kemudian ditiupkan ke dalam tubuh manusia dan akhirnya akan pulang menemui penciptanya. Keupayaan yang luar biasa dalam menyingkirkan dan memulangkan roh oleh Ustaz Malik memperkuat keyakinan Amal terhadap kebenaran yang didakwa oleh ajaran sesat ini. Justeru, lapisan makna yang dinyatakan di atas di sebalik penggunaan leksikal 'kembali' adalah sejajar dengan objektif penggunaan praandaian leksikal dalam menyampaikan makna secara implisit (Yule, 1996). Seperti yang dilihat dalam Petikan 4 dan 5, terdapat elemen berbentuk hak istimewa bagi pengikut-pengikut kumpulan ajaran sesat ini. Menerusi ritual pengembalian roh dan penyucian tubuh yang mereka amalkan, Ustaz Malik memberi persepsi kepada pengikutnya bahawa mereka mempunyai satu kelebihan istimewa berbanding orang yang tidak berada dalam kelompok mereka, iaitu, mereka boleh memilih untuk menyimpan roh yang baik sahaja. Penggunaan kata kerja 'tergolong' dan antroponim kelompok 'orang-orang yang suci' memberikan konstruksi bahawa ahli-ahli kumpulan tersebut bersifat kolektif dan termasuk dalam kumpulan yang mempunyai keistimewaan. Ini juga merupakan satu bentuk autoriti persesuaian. Selain itu, elemen-elemen multimodal seperti pakaian serba putih, serban, jubah, celak, tasbih, ritual berzikir dan berwirid, ritual penyerahan roh dan penyucian tubuh pada hari Jumaat, dan kain berwarna kuning (sebagai latar belakang tempat duduk Ustaz Malik, alas meja, alas perbaringan bagi upacara penyucian diri) serta reben berwarna kuning diikat sekeliling botol air berfungsi sebagai representasi simbolik dan performatif bagi pendakwah dalam membentuk identiti kumpulan ajaran sesat dalam telefilem ini. Che Nordin (2023) berpendapat bahawa ajaran-ajaran sesat acapkali menyebarkan doktrin yang unik dan berbeza dengan ritual konvensional agama. Strategi ini turut digunakan oleh ajaran sesat lain yang bernama Si Hulk yang menjual air khusus sebagai penyebar dakyah dan penarik minat (Kharithah dan Zainol, 2024). Justeru, elemen-elemen multimodal ini melambangkan penyalahgunaan praktik tertentu bagi mendapatkan kepercayaan dan kesetiaan pengikut-pengikut ajaran tersebut.

Kesimpulan

Telefilem ini berkesan sebagai salah satu medium bagi mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya penyelewengan akidah. Media bukan sahaja terhad kepada hiburan, tetapi mempunyai potensi besar dalam mendidik masyarakat tentang isu-isu sosial. Ajaran sesat dan penyelewengan agama merupakan sesuatu yang pernah dipelajari di sekolah, tetapi ancumannya tetap wujud dek penyebaran maklumat yang tidak tepat dan kecelaruan dalam pemikiran. Golongan profesional seperti Amal turut tidak terkecuali dan terkesan dengan kumpulan ajaran sesat Ustaz Malik yang berjaya ditubuhkan sebagai institusi sosial tersendiri. Realitinya, penggunaan dan pemilihan bahasa tertentu menyumbang kepada persepsi bahawa ajaran sesat yang ditegakkan oleh Ustaz Malik merupakan ajaran yang memanipulasi konsep

praandaian untuk menyampaikan bibit-bibit ideologi tertentu. Menerusi bukti-bukti kebahasaan yang dikemukakan oleh kajian ini, praandaian jenis struktural iaitu yang berbentuk soal jawab adalah yang paling banyak sekali digunakan oleh Ustaz Malik. Hal ini kerana, sesuatu ajaran yang baharu tidak diketahui oleh seseorang pada mulanya. Dalam telefilem ini, Ustaz Malik sering menimbulkan persoalan dalam diri Amal terlebih dahulu terhadap beberapa perkara seperti ketinggian kerusinya yang melebihi jemaah yang hadir dan pelaksanaan solat yang boleh dipermudah. Maka, persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ustaz Malik bertujuan agar rasional ideologi yang ingin disampaikan difikirkan oleh Amal sekaligus menebalkan lagi perasaan ingin tahunya untuk mengetahui ajaran sesat tersebut dengan lebih lanjut. Hal ini seterusnya membentuk persepsi bahawa ajaran yang dibawa mengandungi kebenaran lalu memperkuat kesetiaan dan kepercayaan terhadap kumpulan ajaran sesat ini. Ini menunjukkan potensi telefilem dan media sebagai wahana komunikasi ilmu kepada masyarakat. Pembudayaan ilmu dan wacana melalui media dengan pendekatan berbentuk hiburan mampu memberi kefahaman konsep dengan bahasa yang lebih mudah dan pantas. Penonton sasaran bagi telefilem ini mungkin lebih tertumpu kepada golongan yang lebih tua, tetapi pendekatan yang sama dapat diterapkan menerusi media sosial. Natiujahnya, sesebuah organisasi atau pergerakan boleh dianggap mempunyai keabsahan atau legitimasi menerusi wacana-wacana yang dihasilkan oleh individu dan/atau entiti yang terlibat dengan organisasi atau pergerakan tersebut.

Ajaran sesat yang rencam di Malaysia masih belum menemui titik akhir untuk menjayakan agendanya. Justeru, pelbagai pihak berautoriti yang berkaitan dengan hal ehwal keagamaan dan pempfatwaan, perundangan dan penguatkuasaan, dan penyelidikan dan pendidikan perlu bergerak dengan lebih aktif dan agresif lagi untuk sentiasa membanteras kegiatan yang tidak terkawal ini. Sinergi antara ketiga-tiga pihak ini dapat dijayakan menerusi usaha pihak keagamaan dan pempfatwaan menyiasat danewartakan fatwa pengharaman ajaran yang bersalahan dengan ASWJ, hakim mahkamah syariah mengarahkan pihak berkuasa untuk memberkas dan menghukum individu-individu terlibat dengan hukuman yang berat serta ahli akademik memperbanyak syarahan-syarahan umum menerusi kaca televisyen, corong-corong radio, dan platform-platform media sosial untuk mendidik masyarakat. Pihak kerajaan juga disarankan untuk memberikan insentif yang wajar kepada sesiapa yang melaporkan kegiatan jenayah syariah ini. Diharapkan agar lebih banyak kajian pada masa akan datang mengkaji aspek linguistik yang sama atau yang lain dalam bahasa ajaran sesat untuk memperkukuh lagi dapatan kajian ini.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh penulis.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abidin, M.M.Z., Rasit, R.M. (2018): Analisis mesej dakwah dalam Filem Munafik (2016). – *Fikiran Masyarakat* 6(1): 23-29.
- [2] Buang, A.H. (2011): Fatwa ajaran sesat dari sudut undang-undang dan cabaran pembanterasannya di Malaysia. – *Journal of Fatwa Management and Research* 2(1): 27-47.
- [3] Che Nordin, M.K.N. (2023): Symbiotic relationship between deviant religious teachings and conspiracy theories: characteristics, adaptability, and impact on the Muslim community. – *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10(2): 89-110.
- [4] Creswell, J.W., Guetterman, T.C. (2021): *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. – Pearson 7: 645p.
- [5] Engku Alwi, E.A.Z. (2007): Kajian ajaran sesat dalam pengajian Islam: satu sorotan. – *Jurnal Usuluddin* 26: 1-22.
- [6] Idris, A., Yusof, S., Sintang, S., Ramli, I. (2020): Dasar kerajaan Negeri Sabah menangani perkembangan ajaran sesat dalam Islam. – *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 7(1): 49-67.
- [7] Imang, U. (2015): Sifat dan motivasi penonton filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. – *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas* 18p.
- [8] Joni, N., Osman, A.S., Wahid, N.B.F.A., Ishak, N.I.I. (2024): Unsur akidah dalam Filem Mentega Terbang karya Khairi Anwar. – *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33(4): 112-120.
- [9] Kadir, A.A., Nawawi, M.A.A.M. (2024): Sorotan literatur berkaitan analisis Teori Takmilah dalam Filem Imam. – In N.A.M. Omar, M.S. Nasir, N. Osman, Z. Jusoh, M.F.A. Hamid, N.F.U. Mohamed (eds.) *International Conference on Languages and Communication (ICLC)*, Universiti Sultan Zainal Abidin 7p.
- [10] Khairuddin, W.H. (2022): Kerangka kajian ajaran sesat menurut Ahli Sunah Waljamaah. – *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1(1): 120-149.
- [11] Kharithah, I.N.M., Zainol, N.Z.N. (2024): Ajaran Sesat Si Hulk: ancaman kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia. – *Journal of Quranic Sciences and Research* 5(2): 27-37.
- [12] Mas'od, M.A. (2013): Diskusi isu aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia. – *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* 171p.
- [13] Md Yusoff, Y., Tengku Kasim, T.S.A., Baharuddin, M. (2018): Religious deviance and spiritual abuse issues: a critical review. – *Jurnal Al-Tamaddun* 13(2): 81-88.
- [14] Nordin, M.Z.F. (2018): The language of deviant teaching in Malaysia. – *Journal of Advances in Linguistics* 9(1): 1409-1413.
- [15] Nordin, M.Z.F. (2016a): Forensic linguistics and the detecting of deviant teaching in Malaysia. – *The European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, Langkawi Island 5p.
- [16] Nordin, M.Z. (2016b): Truth and deviation in religious language in Malaysia. – *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 10(10): 164-169.
- [17] Opir, H. (2018): Filem berunsur dakwah di Malaysia: kajian dari aspek pematuhan syariah. – *Universiti Malaya* 372p.
- [18] Opir, H., Yusof, M., Sahri, M., Abdullah, W. Y. (2021): Analisa kepatuhan syariah dalam aspek akidah: kajian khusus Filem Munafik 1. – *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2): 131-143.
- [19] Rasit, R.M., Misrom, A. (2016): Analisis elemen patuh syariah dalam Filem Nur Kasih The Movie (2011) berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah. – *Jurnal Komunikasi* 32(1): 580-602.
- [20] Reyes, A. (2011): Strategies of legitimization in political discourse: from words to actions. – *Discourse & Society* 22(6): 781-807.
- [21] Salleh, N.A.A.M., Yusof, M. (2020): Praandaian dalam ucapan perbahasan parlimen mahasiswa sesi pertama di Malaysia. – *Jurnal Melayu* 19(2): 270-286.

- [22] Van Dijk, T.A. (2006): Discourse and manipulation. – *Discourse & Society* 17(3): 359-383.
- [23] Yule, G. (1996): *Pragmatics*. – Oxford University Press 138p.
- [24] Zurita, N.A.A.M., Alwi, E.A.Z.E. (2022): Penyelewengan akidah dalam ajaran sesat di Malaysia: satu analisis. – *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 197-206.